

15 MAR 2003

ULANGAN Mahathir-Brazil/I

DR MAHATHIR LAWAT BRAZIL AHAD

Oleh: Mokhtar Hussain

BRASILIA, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di ibu negara Brazil ini pada Ahad untuk lawatan rasmi empat hari bertujuan meningkatkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri, yang kini bercuti dua bulan mulai 6 Mac, dijadual tiba dari bandar resort Manaus di tengah Amazon bersama-sama dengan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dalam taklimat kepada wartawan Malaysia di sini, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata lawatan Dr Mahathir itu, yang kedua sejak 1991, adalah atas jemputan presiden Brazil yang baru dilantik, Luiz Inacio Lula da Silva.

Selain Toyad, rombongan 31 anggota Malaysia itu adalah termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abd Aziz Mohammad, Duta Malaysia ke Brazil Ban Kat Meng dan para pegawai kanan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar.

Toyad berkata Dr Mahathir dan Presiden Lula akan membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa seperti globalisasi, keganasan, kemungkinan Iraq diserang serta hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Ia merupakan peluang bagi membincangkan dengan presiden baru itu mengenai isu-isu berkaitan hubungan kita dengan Brazil pada forum antarabangsa seperti WTO dan G15.

"Kedua-dua pemimpin juga mungkin membincangkan isu-isu bersama seperti pengalaman Malaysia dalam membasmikan kemiskinan dan menangani krisis kewangan," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan diraikan oleh Presiden Brazil itu dalam satu jamuan tengah hari di istana presiden.

Lula, 58, dilantik sebagai Presiden pada 1 Jan lepas setelah memperolehi 61 peratus undi pada pemilihan presiden Oktober tahun lepas.

Kemenangan beliau membawa satu impian baru bagi golongan miskin dan dipinggirkan memandangkan Lula adalah bekas pekerja kilang besi, yang berhijrah dari timur utara Brazil dan menjadi budak penggilap kasut.

Mengenai hubungan perdagangan, Malaysia adalah rakan kongsi dagang terbesar Brazil di Asean manakala Brazil merupakan rakan kongsi kedua terbesar Malaysia di Amerika Latin selepas Mexico.

"Ia merupakan peluang bagi membincangkan dengan presiden baru itu mengenai isu-isu berkaitan hubungan kita dengan Brazil pada forum antarabangsa seperti WTO dan G15.

"Kedua-dua pemimpin juga mungkin membincangkan isu-isu bersama seperti pengalaman Malaysia dalam membasmikan kemiskinan dan menangani krisis kewangan," katanya.

Beliau berkata Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan diraikan oleh Presiden Brazil itu dalam satu jamuan tengah hari di istana presiden.

Lula, 58, dilantik sebagai Presiden pada 1 Jan lepas setelah memperolehi 61 peratus undi pada pemilihan presiden Oktober tahun lepas.

Kemenangan beliau membawa satu impian baru bagi golongan miskin dan dipinggirkan memandangkan Lula adalah bekas pekerja kilang besi, yang berhijrah dari timur utara Brazil dan menjadi budak penggilap kasut.

Mengenai hubungan perdagangan, Malaysia adalah rakan kongsi dagang terbesar Brazil di Asean manakala Brazil merupakan rakan kongsi kedua terbesar Malaysia di Amerika Latin selepas Mexico.

Toyad berkata tiga pelabur utama Malaysia di Brazil ialah Supemaxx Import Adora SA yang mengedarkan sarung tangan getah dan produk berasaskan

getah, Abric SA yang mengeluarkan perekat untuk kontena dan trak, dan Amaplac SA Ind. de Madires yang terlibat dalam industri kayu lapis, dengan jumlah pelaburan kiara-kira AS\$18.8 juta.

Gula, kacang soya dan senjata tentera adalah kira-kira 50 peratus daripada jumlah import Brazil ke Malaysia, katanya.

Malaysia membeli Sistem Rocket Tepu Artileri dari Avibras Aerospacial pada Oktober tahun lepas.

Beliau berkata eksport utama Malaysia ke Brazil termasuk elektronik, televisyen dan alat ganti radio, semi konduktor serta komputer bersama-sama komponennya.

Pada Selasa, Dr Mahathir dijadual melawat syarikat pengeluar pesawat komersil dan tentera serta Avibras Aerospacial, pengeluar sistem senjata udara ke darat dan sistem senjata permukaan di San Jose, dekat Sao Paolo.

Dari sana, Dr Mahathir akan ke Rio de Jeneirio sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur keesokannya.

Brazil, yang terletak di tengah timur Amerika Selatan, adalah 26 kali ganda lebih besar dari Malaysia dengan mempunyai kira-kira 176 juta penduduk.

-- BERNAMA

MOK SR KHY NAK